

# Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP25/217 • Jumaat, 10 Mac 2023 / 17 Syaaban 1444H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

WAKTU SOLAT IMSAK 5:02AM • SUBUH 5:12AM • SYURUK 6:29AM • DOHA 6:51AM • ZOHOR 12:32PM • ASAR 3:45PM • MAGHRIB 6:33PM • ISYAK 7:42PM • TAMBAH 3 MINIT BAGI BELAIT DAN 1 MINIT BAGI TUTONG

## Lawatan UNISSA ke JPES

Oleh Sim Y. H.

**BANDAR SERI BEGAWAN, 10 MAC** – Seramai 12 orang mahasiswa dan mahasiswi serta seorang pensyarah dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi baru-baru ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh JPES, di sini, lawatan berkenaan adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai perangkaan imbalan pembayaran.

Di samping itu, ia juga bagi mema-

hami konsep yang digunakan dalam penyusunan imbalan pembayaran.

Perangkaan imbalan pembayaran adalah salah satu perangkaan dikeluarkan oleh JPES yang memainkan peranan sebagai salah satu pengukur dalam memantau perkembangan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Lawatan sambil belajar itu merupakan salah satu program advokasi jabatan dalam mengongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman di samping untuk memberigakan produk dan perkhidmatan JPES.



Sesi bergambar ramai rombongan UNISSA bersama para pegawai JPES - Gambar serahan JPES